

Headline	Tarikan seni sobek perahu kolek		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	17 Mar 2020	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	35	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	478 cm ²
Journalist	Siti Rohana Idris	AdValue	RM 15,828
Frequency	Daily	PR Value	RM 47,484



Tarikan seni sobek perahu kolek

Motif berunsur falsafah seni Melayu di Kampung Pulau Gajah perlu diperkasa untuk generasi muda

Oleh Siti Rohana Idris
bhsastera@bh.com.my

Kota Bharu: Deretan 21 perahu kolek dihias penuh meriah bukan sahaja ditampal kertas berwarna warni, malah ruang dalamnya juga dialas permaidani serta beberapa biji bantal kecil.

Pemandangan itu hanya diperoleh di Pulau Gajah sempena program Kemakmuran Seni Bersama Komuniti yang ternyata menarik ramai pengunjung untuk menyaksikan 'kemeriahan' pengangkutan itu dengan lebih dekat.

Tanpa menghiraukan cuaca panas terik, pengunjung termasuk pelancong asing mengambil peluang merakamkan gambar kenangan berlatarbelakangkan perahu sobek (hias), malah ada yang turut 'menggerakkan' sendi anggota tubuh sebaik pualuan rebana dan alat tradisional Kelantan lain dimainkan.

Ketua Pengarah Balai Seni Negara, Amerrudin Ahmad, berkata seni sobek adalah seni ukiran yang terbahagi kepada dua, iaitu sobek kasar dan sobek halus.



Orang ramai melihat keindahan perahu kolek pada Program Kemakmuran Seni Bersama Komuniti di Pasar Nelayan Kampung Pulau Gajah Pantai Sabak, Pengkalan Chepa, baru-baru ini. (Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

Beliau berkata, contoh sobek kasar adalah untuk perahu, dinding rumah dan pintu, manakala sobek halus pula terdiri daripada peralatan rehal, sampir keris dan kukur kelapa.

"Motif digunakan juga berunsur falsafah seni Melayu dengan membabitkan flora dan fauna, geometrik dan abstrak.

"Kampung Pulau Gajah memang popular dengan perahu sobek yang dihias sewajarnya, diketengahkan dan dikongsikan dengan warisan serta keunikan yang ada kepada pelancong tempatan dan antarabangsa sejajar saranan kerajaan dalam usaha mempergiatkan promosi Cuti-Cu-

ti Malaysia," katanya.

Amerrudin berkata, seni sobek perahu kolek itu perlu diperkasa lagi sebagai rujukan generasi muda yang mungkin pada hari ini juga sudah ramai yang terpinga-pinga jika disebut istilah perahu sobek.

Katanya, seni berkenaan boleh diambil perhatian oleh kelompok pelukis sebagai contoh inspirasi karya mereka.

"Satu bengkel pendidikan berkenaan seni sobek ini wajar diadakan khas untuk pelajar bagi melihat kembali fungsi tatarias di perahu kolek, sekali gus menimbulkan keseronokan dalam membuat kajian," katanya.

Selain digunakan untuk mencari hasil laut, perahu kolek di Kampung Pulau Gajah juga adalah tarikan pelancongan dengan menyediakan perkhidmatan membawa penumpang menikmati keindahan alam semula jadi di pinggir Sungai Pengkalan Datu.

Ketua Jaringan Perikanan Pasar Nelayan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Pulau Gajah, Nik Ruzulaili Nik Yusoff, 40, berkata pakej perkhidmatan itu sudah lama disediakan dan sentiasa mendapat sambutan tanpa mengira masa.

"Bayaran RM400 untuk perjalanan pergi dan balik kira-kira sejauh empat kilometer.



Satu bengkel pendidikan berkenaan seni sobek ini wajar diadakan khas untuk pelajar bagi melihat kembali fungsi tatarias di perahu kolek, sekali gus menimbulkan keseronokan dalam membuat kajian.

Amerrudin Ahmad,
Ketua Pengarah
Balai Seni Negara

"Selalunya setiap Sabtu memang mendapat sambutan kerana di Pengkalan Datu ada pasar terapung serta pasar tani, selain menikmati keindahan paya bakau di sepanjang Sungai Pengkalan Datu," katanya.